

**AZLINDA SHAZNEEM BINTI MD SHUAIB
SHAH ISKANDAR FAHMIE BIN RAMLEE
FATIAH BINTI MOHD**

UMK melalui Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) telah menganjurkan sebuah bengkel yang dikenali sebagai Real Entrepreneur Applied Learning (REAL). Bengkel ini telah diadakan selama tiga hari bermula dari 24 Ogos 2022 sehingga 26 Ogos 2022 bertempat di Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan. Bengkel REAL ini telah disertai oleh 25 pelajar dan 5 staf akademik bermula jam 8.30 pagi hingga 10.00 malam. Program ini berperanan mendedahkan pelajar Tahun 3 Program Sarjana Muda Keusahawanan Dengan Kepujian (2u2i) berkaitan dengan penerokaan idea baharu dan penambahbaikan idea perniagaan bagi digunakan semasa Operasi Teroka Baharu (OTB). Bengkel ini telah mendapat sambutan yang baik dan kesemua pelajar memberikan komitmen yang penuh sepanjang bengkel. Hasil daripada bengkel ini, pelajar lebih jelas dengan perniagaan yang akan dilaksanakan semasa OTB dan juga mendapat pengalaman daripada usahawan tentang dunia perniagaan sebenar. Melalui bengkel ini, para pelajar secara tidak langsung akan dapat membantu UMK dalam pencapaian peratusan graduan usahawan kelak.

